

# Pintu masuk sempadan dibuka 24 jam untuk warga Thai

BH 16 DEC 2002

BUKIT KAYU HITAM, Ahad – Pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam, yang dibuka 24 jam pada 21 Disember ini adalah hanya untuk warga Thailand yang ingin memasuki negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata pembukaan pintu sempadan pada hari itu adalah bagi memudahkan pelawat dari negara Gajah Putih itu menghadiri Rumah Terbuka Malaysia yang diadakan di Taman Tasik Bandar Darulaman, Jitra, dekat sini.

Beliau berkata, kelonggaran itu membolehkan rakyat Thailand yang berada di negara ini atas pelbagai tujuan, pulang ke negara mereka pada bila-bila masa dalam tempoh berkenaan berbanding sebelum ini sehingga jam 12 tengah malam saja.

Namun, katanya, bagi rakyat negara ini yang ingin berkunjung ke Thailand pada hari itu, masih tertakluk kepada peraturan sedia ada iaitu sebelum 12 tengah malam saja.

"Pembukaan pintu sempadan 24 jam itu adalah di Bukit Kayu Hitam saja memandangkan ramai orang kenamaan negara itu termasuk Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra, akan hadir ke majlis itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke pejabat Imigresen, Kastam dan Unit Pencegah Penyeludupan di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Imigresen negeri, Mohd Saad Mehamad; Komander Unit Pencegah Penyeludupan, Asisten Superintendan Jamaludin Husin dan Ketua Imigresen Daerah Sadao (Selatan Thailand), Kol Surin Palarae.

Rumah Terbuka Malaysia kali kedua diadakan di negara ini adalah bersempena Aidilfitri yang dijangka dihadiri lebih 100,000 orang.

Antara orang kenamaan yang dijangka hadir ialah Yang di-Pertuan Agong, Raja Per-

dan Sultanah Kedah selain Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Terdahulu, Chor diberi taklimat oleh setiap ketua jabatan berkenaan mengenai tugas dan masalah yang dihadapi dalam mengawal kemasukan ke pintu sempadan seperti membanteras penyeludupan.

Beliau yang tidak menjelaskan butir-butir perbincangan taklimat berkenaan, memberi jaminan untuk mengambil tindakan segera memandangkan tanggungjawab setiap jabatan itu amat penting daripada segi keselamatan negara.

Ditanya sama ada langkah pembukaan pintu sempadan selama 24 jam pada 21 Disember sebagai petanda kerajaan akan melaksanakannya pada masa depan, Chor berkata, buat masa ini kerajaan masih belum boleh melaksanakannya.

"Ini kerana berdasarkan perangkaan, nisbah kemasukan rakyat Thailand ke negara ini dan sebaliknya di pintu masuk berkenaan amat tidak seimbang.

"Contohnya, dari Januari hingga November tahun ini, kita dapati pelawat dari Thailand yang memasuki Malaysia sebagai pelawat, untuk urusan perniagaan atau lain-lain hal adalah seramai 584,441.

"Jumlah itu adalah kecil berbanding jumlah rakyat kita memasuki Thailand dalam tempoh yang sama mencecah 1,536,388 orang.

"Nisbah itu amat tidak seimbang dan buat masa ini saya percaya, lebih baik kita mengehendkan atau mengekalkan pembukaan pintu sempadan sehingga jam 12 tengah malam saja," katanya.

Pintu masuk Bukit Kayu Hitam tidak pernah dibuka selama 24 jam sebelum ini dan kali terakhir kerajaan melanjutkan tempoh masa pembukaan pintu itu pada 2000 iaitu dari jam 10 malam hingga 12